

4,279

mahasiswa

baharu UMS

UM 49.2013 20

KOTA KINABALU 3 Sept. - Seramai 5,072 pelajar ditawarkan bagi menyambung pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena hari pendaftaran ke-masukan Pelajar Baharu Sesi 2013/2014 di universiti itu ba-ru-baru ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Da-tuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, daripada jumlah itu se-banyak 4,279 pelajar menerima tawaran tersebut dan mendaftar pada 1 September lalu.

“Seramai 2,813 pelajar memi-lih aliran Sastera, manakala 2,259 merupakan pelajar dalam aliran Sains. Seramai 263 pelajar daripada kumpulan yang men-daftar pada hari berkenaan akan mengikuti pengajian dalam ali-ran Asasi Sains.

“Bagi aliran Sains, pecahan pelajar lelaki adalah seramai 794 orang dan wanita seramai 1,465 orang, manakala pelajar lelaki bagi aliran Sastera sera-mai 911 orang dan wanita 1,902 orang,” katanya di sini baru-ba-ru ini.

Tambah Mohd. Harun, jum-lah pendaftaran penuntut itu tu-rut melibatkan seramai 121 pe-nuntut antarabangsa dan 100 penuntut miskin yang ditawar-kan oleh UMS bagi memboleh-kan mereka menyambung pe-lajaran ke peringkat lebih ting-gi.

Katanya, kesemua penun-tut kemudiannya akan mengi-kuti Minggu Suai Mesra (MSM) selama seminggu sebagai per-siapan menyesuaikan diri da-lam suasana kehidupan kam-pus.

Katanya, antara aktiviti se-panjang MSM termasuk Majlis Pengenalan Universiti, Majlis Ikrar dan Aku Janji, Taklimat Universiti, Program Riadah dan Persembahan Bakat pada malam kemuncak.